



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA		
TARIKH	:	16/9/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	: 30
JABATAN	:	JPNS		

Tutup hutan lipur jika keadaan tidak terkawal

UM, 16
Sept
2021,
30

SEREMBAN: Hutan-hutan lipur di Negeri Sembilan akan ditutup sekiranya keadaan menjadi tidak terkawal ekoran kehadiran orang ramai selepas aktiviti-aktiviti sosial seperti pelancongan dan riadah diberikan kebenaran.

Pengarah Perhutanan negeri, Saleh Awaludin berkata, tindakan tersebut boleh diambil sekiranya orang ramai tidak mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

"Setakat ini pemantauan kami mendapati keadaan masih terkawal di kawasan-kawasan hutan lipur di negeri ini, orang ramai masih patuhi SOP dan arahan daripada Jabatan Perhutanan negeri.

"Jika tidak boleh kawal nanti, Jabatan Perhutanan boleh membuat keputusan untuk menutup semula hutan lipur. Sekiranya orang ramai ingkar dan tidak mematuhi SOP, saya rasa sebelum pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) atau polis arahkan, baik kita ambil langkah segera," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* semalam.

Menurut Saleh, daripada keseluruhan 11 taman eko-rimba di negeri terdapat tiga buah yang belum dibuka ekoran kesukaran kawasan tersebut untuk dilaksanakan aktiviti mengikut SOP selain terdapat projek pembangunan yang sedang giat dilaksanakan.

"Kebanyakan hutan lipur telah kami buka dan turut dapat mengawal SOP dalam kalangan pengunjung termasuk memastikan mereka telah lengkap menerima vaksin dan sebagainya. Setakat ini kami masih boleh kawal.

"Jika didapati terdapat pengunjung yang ingkar SOP, kami akan mengarahkan mereka keluar dan mengenakan kompaun serta denda," katanya.